

03 JUL 1997

Sukan-Memanah

JUARA BERTAHAN KOREA SAH SERTAI KEJOHANAN MEMANAH ASIA

LANGKAWI, 3 Julai (Bernama) -- Juara bertahan Korea Selatan merupakan antara empat negara yang sudah mengesahkan untuk mengambil bahagian pada Kejohanan Memanah Asia ke-10 di Kompleks Sukan Antarabangsa Langkawi pada 19 hingga 27 Nov.

Presiden Persatuan Memanah Kebangsaan Malaysia (NAAM) Datuk Abdul Halil Mutalib hari ini berkata, tiga negara lagi ialah Arab Saudi, Jepun dan Myanmar yang telah memberi jawapan secara rasmi.

Katanya tujuh lagi negara -- Thailand, Indonesia, Filipina, Singapura, China, India, Hong Kong -- memberi jawapan secara lisan semasa mesyuarat Persekutuan Memanah Asia (AAF) di Korea bulan lepas.

Beliau menjangka kesemua 22 negara gabungan termasuk Macau yang baru diterima menganggotai AAF akan menyertai kejohanan itu, yang pertama kali diadakan di negara ini.

"Sekiranya semua negara itu mengambil bahagian ia akan menjadi kejohanan terbesar pernah dianjurkan kerana pada kejohanan yang lepas di Bangkok, Thailand ia hanya disertai 12 negara," katanya.

Menurutnya kejohanan itu dijangka dirasmikan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Abdul Jalil berkata NAAM sedang giat menjalankan persiapan bagi memastikan kejohanan itu berjalan lancar.

Mini stadium yang boleh menampung 5,000 penonton dengan trek dan kemudahan sukan padang termasuk acara memanah berharga kira-kira RM8 juta telah siap dibina. Ia merupakan sebahagian daripada projek pembangunan Kompleks Sukan Langkawi. -- BERNAMA

ZI NH NMO